

## Ibu dapat ganti rugi RM305,000 anak mati dalam tahanan

Azizi Majid



PEGUAM mewakili keluarga Mohamad Ezanee Zakarian, Ahmad Hafiz Zubir memberi penerangan kepada para wartawan di Mahkamah Tinggi Sivil Johor Bahru, hari ini. - UTUSAN

AZIZI MAJID

16 Oktober 2017 11:40 AM

JOHOR BAHRU 16 Okt. - Mahkamah Tinggi Sivil di sini hari ini memerintahkan kerajaan membayar ganti rugi berjumlah RM305,000 kepada seorang ibu ekoran anaknya meninggal dunia semasa menjadi pelatih Pusat Rawatan dan Pemulihan (CCRC) Kota Tinggi empat tahun lalu disebabkan kecuaiannya dua polis bantuan pusat berkenaan.

Hakim, Datuk Teo Say Eng memerintahkan kerajaan dan dua polis bantuan, Darmaji Darwi, 28, serta Mohsin Jamari, 35, selaku defendan pertama, kelima dan keenam membayar tuntutan tersebut kepada plaintif kerana mempunyai bertanggung secara bersama atau berasingan menyebabkan kecuaiannya itu.

Sebelum ini, Mek Eshah Jusoh, 73, yang juga ibu kepada Mohamad Ezanee Zakaria, 38, (ketika kejadian) selaku plaintif memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan berjumlah RM1.55 juta menerusi Tetuan Adnan Sharida & Associates pada 24 Februari 2014.

Dalam tuntutan saman itu, plaintif turut menamakan Menteri Dalam Negeri, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pengarah CCRC Kota Tinggi selaku defendan kedua, ketiga dan keempat.

Pada 14 November 2013, Mohamad Ezanee dimasukkan ke CCRC Kota Tinggi sebagai pelatih dan pada hari sama dia dipercayai dipukul dua polis bantuan itu sebelum dibawa ke Hospital Kota Tinggi dan dipindahkan ke Hospital Sultanah Aminah dan disahkan koma.

Pada 15 November 2013, mangsa disahkan meninggal dunia. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/ibu-dapat-ganti-rugi-rm305-000-anak-mati-dalam-tahanan-1.538525#ixzz4vjSwP8tj>  
© Utusan Melayu (M) Bhd